



ihsan

No.18 Jun 2006

MICA (P) 239/08/2005

Perhubungan penghuni, ibu, waris tetap dikekalkan

Berbagai acara diatur untuk mempererat jalinan keluarga antara anak-anak yatim dengan saudara mara

MENGEKALKAN hubungan anak-anak yatim yang menghuni di asrama Darul Ihsan dengan ibu atau waris-waris mereka adalah satu kepastian yang diamalkan oleh pihak pentadbirnya..

Ia bererti bahawa walaupun anak-anak yatim itu menghuni sepanjang waktu yang diperlukan, ibu atau waris-waris mereka masih dibenarkan untuk menghubungi atau melawat mereka.

Mereka digalakkan membuat lawatan pada hujung-hujung minggu ketika anak-anak itu bebas daripada jadual pendidikan dan hanya melakukan program-program riadah atau bersukan.

Bagaimanapun pihak pentadbir harus dihubungi terlebih dahulu sebelum lawatan itu dibuat untuk memastikan penghuni-penghuni itu tidak mempunyai kegiatan-kegiatan lain yang telah diatur.

Ini adalah antara cara supaya anak-anak itu tidak akan berasa keseorangan dan sentiasa sedar

bahawa walaupun mereka diberi selengkap didikan dan dipelihara di Darul Ihsan sepanjang masa yang diperlukan mereka akan dapat kembali ke pangkuan ibu atau saudara mara mereka apabila mereka keluar dari asrama tersebut.

Selain membenarkan lawatan seperti itu pihak pentadbir sering juga mengaturkan pertemuan antara anak-anak itu dengan waris-waris mereka menerusi acara-acara berkumpulan seperti menganjurkan 'Majlis Iftar' sempena Ramadan, 'Malam Barbiku' dan 'Hari Keluarga'

Dalam acara-acara seperti itu ibu, waris, bekas-bekas penghuni, para anggota jawatankuasa pentadbir dan para relawan akan diundang sama memeriahkan acara dan majlis tersebut.

Menerusi acara-acara seperti inilah para hadirin dapat bertemu dan berkenal-kenalan antara mereka dan berbual-bual dengan penghuni-penghuni Darul Ihsan.

Dalam acara 'Hari Keluarga' yang diadakan pada 25 Disember 2005 lalu di Pasir Ris sebagai

acara akhir tahun, penghuni-penghuni dari kedua-dua asrama Darul Ihsan bersama ibu dan waris mereka telah sama-sama memeriahkan acara hari itu.

Pesta sehari suntuk itu banyak dipenuhi dengan acara bersukan di mana ibu dan waris anak-anak itu sama-sama mengambil bahagian dalam acara yang diatur.

Majlis Iftar sempena Ramadan

Majlis Iftar adalah acara yang tetap diadakan setiap tahun sempena ibadah puasa dalam bulan Ramadan.

Sebagaimana biasa majlis ini disambut dengan penuh acara keagamaan seperti bacaan ayat-ayat suci *al-Quran* dan syarahan oleh penghuni-penghuni Darul Ihsan, membaca tahlil dan seterusnya bersama berbuka puasa.

Sempena majlis Iftar inilah penghuni-penghuni dapat bermesra dengan para hadirin terdiri daripada bekas-bekas penghuni, para relawan, anggota jawatankuasa dan penderma yang diundang.

Mereka juga berpeluang menemui ibu dan

saudara mereka dalam majlis itu

‘Hari Keluarga’

Sehari suntuk mereka menghabiskan masa di Pasir Ris sempena ‘Hari Keluarga’ Darul Ihsan.

Acara ini diadakan sebagai usaha berterusan untuk mempererat jalinan kekeluargaan antara anak-anak dengan ibu atau waris mereka.

Pada hari Ahad 25 Disember 2005 itu ibu-ibu dan waris-waris penghuni dapat bertemu dan berinteraksi sesama mereka.

Selepas bersarapan pagi penghuni-penghuni bersama ibu dan waris-waris mereka diajak sama mengambil bahagian dalam acara-acara sukan yang diatur.

Kelihatan begitu meriah acara hari itu selain penghuni-penghuni, ibu-ibu dan waris penghuni juga ikut sama menjayakan acara hari tersebut.

Acara ‘Hari Keluarga’ itu berakhir lewat petang dengan setiap peserta yang menang dalam acara sukan itu diberi hadiah.